

UTUSAN MALAYSIA 10/3/2017

p. 35

Shanti gembira rekodnya diatasi

KUALA LUMPUR 9 Mac- Bekas ratu pecut negara G. Shanti mengalu-alukan dan gembira apabila rekodnya dalam acara 100 meter akhirnya berjaya diatasi selepas 24 tahun bertahan apabila Zaidatul Husniah Zulkifli menamatkan perlumbaan di Afrika Selatan hari ini dalam masa 11.45 saat.


Legenda pecut wanita negara, Shanti yang memegang rekod lama 11.50s berkata dia sentiasa berharap ada generasi baharu atlet olahraga negara akan memecahkan rekodnya yang dilakukan pada 1993.

Zaidatul memperbaharui rekod 100m itu dalam Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan hari ini. Rekod itu memadamkan kekecewaan jaguh dari Alor Setar itu apabila catatan 11.35s dilakukannya pada Sabtu lalu dalam kejohanan Liga AGN 7 di Pretoria tidak diiktiraf kerana mendapat bantuan angin 2.5s.

Malah, Shanti menganggap catatan Zaidatul adalah keputusan yang amat bagus buat negara.

Shanti, pemenang pingat emas Sukan SEA 1997 itu juga berharap Zaidatul dapat menamatkan kegagalan Malaysia memenangi pingat emas 100m temasya itu, yang kini telah menjangkau dua dekad, apabila Kuala Lumpur menjadi tuan

G. SHANTI



rumah Ogos ini.

“Saya berasa amat gembira ketika saya dimaklumkan ada atlet yang telah memecahkan rekod saya kerana rekod sebelum ini sudah berusia terlalu lama.

“Kepada Zaidatul Husniah nasihat saya, kekalkan prestasi anda kerana anda mempunyai potensi untuk meraih pingat emas Sukan SEA 2017 dalam acara 100m,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Shanti melakukan catatan 11.50s ketika Pra Sukan SEA 1993 di Kuala Lumpur.